

26/08/2001

Wartawan menang RM50,000

KUALA LUMPUR: Seorang wartawan dari Petaling Jaya memenangi wang tunai RM50,000 dan trofi selepas muncul juara Pertandingan Lagu Patriotik Malaysia Alaf Baru Icom 2001 di sini, malam tadi.

Shanon Shah Mohd Sidik, 23, yang memiliki ijazah kelas pertama dalam bidang kejuruteraan kimia daripada sebuah universiti di Australia, mengalahkan 11 peserta lain untuk merebut hadiah utama itu.

Lagu `Kisahmu Belum Berakhir' yang dicipta dan dinyanyikannya dengan iringan piano yang dimainkan sendiri, menjadi pilihan panel hakim yang diketuai oleh Hanafie Mohd Imam.

Hadiah disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Angkasapuri di sini malam tadi. Pertandingan itu disiarkan secara langsung oleh TV1.

Pertandingan anjuran Kolej Muzik Antarabangsa (Icom) itu turut menyediakan hadiah dan wang tunai kepada pemenang.

Tempat kedua dimenangi Azim Sulaiman @ Zakaria dengan lagu `Negaraku Malaysia'.

Beliau menerima hadiah wang tunai RM20,000 dan trofi manakala tempat ketiga dimenangi Nisha @ Sujata Arunasalam dengan lagu `One Nation, One Land' yang menerima wang tunai RM7,500 dan trofi.

Azim bukan saja berkebolehan mencipta lagu, tetapi turut menyanyikan lagunya itu manakala Nisha mencipta lagu dalam dwibahasa tetapi disampaikan Sheena Suriya Balakrishnan.

Sembilan penerima sugu hati lain masing-masing menerima hadiah wang tunai RM2,500. Pertandingan itu terbuka untuk rakyat Malaysia berumur dari 17 hingga 25 tahun.

Pertandingan itu bertujuan menggalakkan golongan muda meluahkan rasa kecintaan mereka kepada negara melalui lagu patriotik.

Sebanyak 700 lagu menyertai pertandingan itu di peringkat awal. Bagaimanapun selepas ditapis, 12 orang dipilih untuk ke peringkat akhir yang diadakan malam tadi.

(END)